

> Tak sangka, keperitan dan kesukaran yang dialami staf telah mencetuskan inovasi SkytiderTM...

Tak sangka, keperitan dan kesukaran yang dialami staf telah mencetuskan inovasi SkytiderTM...

NOR AZIZAH ISMAIL, UPM Khamis | 7 Mac 2019



ARCA inovasi SkytiderTM merupakan simbolik keperitan dan kesukaran dialami staf Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendorong penciptaan idea inovasi baharu dan kini dipamerkan di Pameran Nature's Yield and Wonders of Art (NYAWA) '18 di Galeri Serdang, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, UPM Serdang Selangor bermula pada 1 Disember 2018 hingga 17 Mac 2019.

Pameran NYAWA '18 merupakan pameran menggabungkan elemen sains teknologi yang dilihat melalui perspektif seni, kali ini memaparkan 19 artikel bertemakan 'Earth to Sky'.

Kesukaran memasang dan menurunkan bunting atau gegantung iklan di tiang lampu jalan setiap kali ada program sering kali dihadapi staf Putra Science Park UPM, mencetuskan idea membangunkan inovasi ringkas yang bukan sahaja mampu memudahkan kerja namun menjamin keselamatan staf.

Staf mengalami kesukaran dari segi cara kerja pemasangan menggunakan tangga yang tinggi dan berisiko untuk terjatuh disebabkan permukaan tanah yang tidak stabil dan mempunyai penghalang seperti pokok dan pengadang jalan.



STAY CONNECTED



Top 5

Video Hangat

1 Pupuk gaya hidup, FKEKK UTeM anjur Program Senamrobik

2 150 peserta terima Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH) 2019

3 Kolej Kediaman Satria Buah, UTeM anjur Seminar Motivasi dan Pemantapan Diri Mahasiswa

4 Aktiviti bermain permainan video bawa kebaikan atau keburukan?

5 Projek inovasi JP dan JKM dinobat yang terbaik sempena Perkaya Inovasi ke-18

TAKWIM IPT/IPTA

1 - 4 MEI 2019

ASEAN Student Entrepreneurship Network (ASENet) Convention 2019 anjuran Universiti Sains Malaysia (USM)

13 FEBRUARI 2019

UPM International Cultural Festival (9 pagi - 5 petang)

16 MAC 2019

Chemistry Jubilee Run 2019 (SKM Charity Fun Run) di Dataran P.P Sains Kimia, USM

21 JANUARI (12.00 tengahari) - 14 FEBRUARI 2019

(12.00 malam)
Semakan keputusan kemasukan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) semester Februari sesi 2018/2019

25 JANUARI (4.00 petang) - 10 FEBRUARI 2019 (11.50 malam)

Penawaran biasiswa MyBrainSc KPM 2019 telah dibuka. Layari <https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrainSc/>



Prototaip SkytiderTM yang dipamerkan di Pameran Nature's Yield and Wonders of Art (NYAWA) '18.

Selain itu juga, kerja pemasangan memerlukan bilangan staf yang ramai serta tempoh masa lama diperlukan di samping berhadapan risiko terjatuh daripada tangga ketika pemasangan dan di bawah panas terik.

SkytiderTM sendiri adalah ciptaan baharu dibangunkan sebagai alat untuk memasang gegantung tanpa menggunakan tangga dan dawai besi, mempercepatkan kerja-kerja pemasangan, menyediakan persekitaran selamat untuk staf semasa kerja pemasangan, namun kosnya sangat rendah.



Asrizam memberi penerangan berkaitan inovasi SkytiderTM kepada tetamu yang hadir ke Pameran NYAWA'18.

Inovasi ini mengaplikasikan kaedah eco-friendly dengan menggantikan penggunaan dawai besi kepada tali kabel sintetik (cable tie) dan dapat mengelakkan dawai karat yang selalu ditinggalkan pada tiang lampu selepas gegantung diturunkan sekali gus akan mencemarkan pemandangan dan alam sekitar.

Prototaip SkytiderTM diperbuat daripada dua bahan utama, aluminium dan besi terpakai dengan berat 850g terbukti dapat memudahkan proses pemasangan dan penurunan gegantung luar (*outdoor*) tanpa penggunaan tangga, mempercepatkan kerja pemasangan, meningkatkan tahap keselamatan pemasang dan seterusnya menjimatkan kos.



mempunyai tiga perlindungan harta intelek iaitu Reka Bentuk Perindustrian, Hak Cipta dan Cap dagangan. Inovasi ini menyasarkan pengguna yang mementingkan keselamatan diri semasa kerja pemasangan di samping mempermudah dan mempercepatkan proses kerja seperti pelajar universiti / kolej. Mereka juga merupakan golongan sasaran yang kerap menggunakan gegantong luar sebagai medium utama bagi pelbagai aktiviti pelajar.

Inovasi ini mempunyai ciri ergonomik dan sesuai dengan pergerakan tubuh manusia, mengelakkan risiko bekerja di tempat tinggi, memudahkan cara bagi aktiviti kerja berulang dengan mengurangkan pergerakan tubuh badan secara manual berulang-ulang sewaktu memasang atau membuka bunting yang boleh memudaratkan dan memberi risiko kecederaan kepada pemasang.



Antara anugerah yang dimenangi melalui inovasi SkytiderTM.

Ciptaan ini juga telah mendapat pelbagai pengiktirafan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kategori teknikal di peringkat Universiti Awam dan UPM dengan memenangi Anugerah Anugerah Emas, Persembahan Terbaik KIK Universiti Awam 2018, Ke-3 Teknikal KIK Universiti Awam 2018, Anugerah KIK Terbaik UPM 2018 & 2017 dan Anugerah Inovasi dan Perkhidmatan UPM 2016.

SkytiderTM dibangunkan Kumpulan Inovatif Kreatif, Langit Putra yang diketuai Asrizam Esam serta tujuh orang ahli iaitu Mohammad Hisham Omar, Muhammad Izzat Nor Adzmi, Mohd Mas'Ataillah Ismail, Norliyana Kamarudin, Hafiza Hussin, Norazlin Monir, Shahrman Hashim dan dibantu oleh Norhidayah Halid.



Ahli pasukan Langit Putra bergambar bersama inovasi SkytiderTM ciptaan mereka.